

SYARAT PENGGUNAAN LOGO

Rumah sembelih dan loji pemprosesan yang dianugerahkan sijil VHM dibenarkan menggunakan logo tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- ✓ Logo boleh dicetak pada label / pembungkus keluaran yang diluluskan sahaja (keluaran yang didaftarkan semasa permohonan).
- ✓ Penggunaan logo VHM hanya dibenarkan ke atas produk dan premis yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Malaysia selain daripada tujuan pengiklanan.
- ✓ Pengurusan rumah sembelih dan loji pemprosesan yang diluluskan bersetuju membenarkan pegawai DVS menjalankan audit surveilans (*surveillance audit*) dan audit pemeriksaan semula (*review audit*) serta mengambil sampel untuk ujian makmal.
- ✓ Segala perubahan dalam pengurusan, loji dan operasi pemprosesan hendaklah dimaklumkan kepada DVS dalam masa 30 hari selepas perubahan dibuat.